

08/08/1999

Peguam Umno buat laporan polis

KUALA LUMPUR: Panel Peguam Umno, semalam membuat satu laporan polis ke atas Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, berhubung kandungan wawancara pemimpin Pas itu yang disiarkan dalam akhbar Warta KL yang didakwa memfitnah kerajaan dan menghina sistem kehakiman negara.

Laporan polis dibuat oleh Pengerusi Biro Penerbitan panel itu, Mohd Tajuddin Tambi Abdul Wahid, di Balai Polis Sentul, jam 3.15 petang.

Mengikut salinan laporan polis yang diedarkan kepada wartawan, Mahfuz, dalam wawancara dengan wartawan akhbar Warta KL keluaran 3 Jun lalu, menuduh kerajaan sengaja memutarbelitkan isu Malaysian Malaysia untuk mencetuskan semangat perkauman bagi menakutkan rakyat kononnya jika Barisan Nasional kalah pada pilihan raya akan datang, Tragedi 13 Mei 1969 akan berulang.

Ketua Pemuda Pas itu (ketika wawancara diadakan Mahfuz memegang jawatan Naib Ketua Pemuda Pas) juga menuduh kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertindak zalim memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim; mencabul institusi kehakiman, Jabatan Peguam Negara, polis dan hak asasi manusia.

Bercakap kepada pemberita selepas membuat laporan polis dan memberi keterangan, Tajuddin berkata, berdasarkan tuduhan itu beliau yakin ianya tidak berasas dan berunsur fitnah jenayah, menghina mahkamah serta dibuat bagi mendapatkan keuntungan politik peribadi (Mahfuz).

"Saya bimbang sekiranya tuduhan itu sengaja dibuat bagi menghasut rakyat supaya menanam perasaan marah dan benci kepada Perdana Menteri, kerajaan serta institusi kehakiman dan keadilan negara.

"Saya juga merasakan wawancara itu mampu menggugat ketenteraman awam, kestabilan politik serta keselamatan negara," katanya.

(END)